

18 JUN 1999

Umno-Usul (Ucapan Presiden)

ANGGOTA UMNO PERLU PERTAHAN MARUAH PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Anggota-anggota Umno perlu bangun dan mempertahankan maruah para pemimpinnya yang dihina dan dikeji oleh parti pembangkang, kata perwakilan Kedah Datuk Badruddin Amiruldin.

"(Datuk Seri) Dr Mahathir dicabar dan keturunannya dikeji ... adakah anggota-anggota Umno akan membiarkan barisan pemimpinnya diperkecil dan dihina," tegas beliau ketika membawa usul Ucapan Dasar Presiden pada perhimpunan agung Umno, di sini, hari ini.

Beliau berkata fitnah-fitnah sama ada melalui Internet dan saluran lain dilakukan oleh golongan yang tidak menyayangi bangsa mereka sendiri.

Katanya anggota-anggota Umno perlu memerangi perbuatan biadab itu terutama oleh parti pembangkang bagi mempertahankan maruah pemimpin dan parti itu.

Badruddin berkata parti-parti pembangkang tidak ada sebab untuk menyerang Umno dan barisan pemimpinnya kerana Umno tidak melakukan sebarang penyelewengan dan perjuangannya adalah demi agama, bangsa dan tanah air.

Beliau mengingatkan para perwakilan bahawa kekalahan Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang bermakna membuka pintu negara kepada kuasa asing dan Yahudi.

"Kita (anggota Umno) patut lebih agresif dan bangun mempertahankan negara kita (daripada ancaman ini)," katanya.

Badruddin juga meminta orang Melayu supaya tidak melupakan sejarah kerana ia penting sebagai iktibar perjuangan bangsa.

Menurutnya 53 tahun lalu, bangsa Melayu hampir hilang akibat gagasan pembentukan Malayan Union yang bertujuan untuk menghancurkannya.

"Daripada nasib bangsa yang merempat, orang Melayu kini hidup senang lenang hasil perjuangan Umno.

"Adakah kita mahu bangsa ini melarat, kalau kita terus bertelagah sesama kita," katanya.

Badruddin berkata orang Melayu patut menginsafi nasib dan penderitaan yang ditanggung oleh umat Islam lain seperti di Bosnia dan Kosovo.

"Kalau sudah berlaku (seperti di Bosnia dan Kosovo), tidak guna lagi kerana kuasa sudah tidak ada lagi (di tangan kita)," katanya.

Mengenai pakatan parti-parti pembangkang, beliau berkata mereka bersatu kerana masing-masing ada kepentingan diri.

-- BERNAMA

SBJ NAK